



## DBP MEMACU BUDAYA *Kreativiti dan Inovasi*



Hari inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan setiap warga kerja Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Majlis yang diadakan adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara, khususnya dalam usaha mentransformasikan dan mempersiapkan sektor awam dan badan berkanun agar selari dengan dasar kerajaan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

**TAN SRI DR. MADINAH MOHAMAD**

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

**H**ARI Inovasi DBP merupakan kemuncak manifestasi iltizam pengurusan DBP dan semua warga kerja DBP dalam membina budaya inovasi dalam kerangka kerja organisasi agar idea kreatif dan inovatif dapat dicurahkan dalam usaha pembinaan dan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu, selaras dengan objektif penubuhan DBP.

Secara umumnya, inovasi ialah penghasilan sesuatu idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan dan produk. Inovasi yang dihasilkan perlulah dapat menambah nilai kepada output semasa, sama ada dalam bentuk perkhidmatan, produk, proses atas teknologi, dan perubahan yang signifikan seharusnya dapat dilihat dari segi peningkatan kecekapan, keberkesanan, dan kualiti perkhidmatan yang diberikan atau produk yang dihasilkan.

Untuk mendepani cabaran masa ini, DBP perlu kekal kreatif dan inovatif bagi memastikan setiap produk dan perkhidmatan yang dihasilkan sejajar dengan kehendak dan keperluan masyarakat dan negara. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dalam ucapannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia ke-11, turut memberikan penekanan bahawa wujudnya korelasi yang kuat antara inovasi dengan produktiviti. Hal ini bermakna kelangsungan serta kewujudan sesebuah organisasi itu sangat penting bergantung pada penekanan terhadap aspek inovasi dan produktiviti. Oleh itu, untuk sentiasa kekal mendepani kelok kemajuan, DBP perlu terus mengamalkan dan mengekalkan budaya inovasi yang akan menghasilkan peningkatan produktiviti dalam setiap produk dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dan masyarakat.

Berdasarkan *Global Innovation Index 2014*, Malaysia berada pada kedudukan ke-33 dengan pengumpulan mata sebanyak 45.60 dan kedudukan ini menurun satu anak tangga berbanding dengan tahun 2013. Negara kita pernah menduduki tangga ke-28 pada tahun 2010 dan untuk kembali ke tahap ini, perkhidmatan awam secara umumnya dan DBP secara khususnya perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dalam mencipta kejayaan inovasi yang lebih bermakna.

Transformasi pendidikan negara, seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, turut menuntut peranan DBP sebagai agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam aspek pembangunan serta penyebaran ilmu pengetahuan untuk turut menyumbang dalam pencapaian pelan tersebut. Sasaran utama PPPM 2013–2025 adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, kemahiran berfikir, ilmu pengetahuan, etika dan kerohanian yang tinggi serta beridentitikan nasional bersesuaian dengan perkembangan ekonomi dunia pada hari ini.

Semakan semula kurikulum standard sekolah rendah dan menengah adalah antara langkah kerajaan untuk mengurangkan jurang pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang merupakan antara resipi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Dalam memenuhi aspirasi tinggi negara ini, DBP perlu memainkan peranan untuk menghasilkan bahan pembelajaran yang bertunjukkan kreativiti dan inovatif dan mampu menarik minat pelajar untuk mencintai ilmu pengetahuan.

Untuk melahirkan masyarakat dan generasi yang kreatif dan inovatif, DBP mempunyai peranan yang sama penting dalam pembentukan dan penerapan budaya kreatif dan inovasi dalam kalangan masyarakat dan generasi muda, khususnya dalam penyediaan bahan

ilmu yang akan melahirkan generasi yang dinamik serta berfikir pada aras tinggi. Untuk tujuan ini, penyediaan bahan ilmu dan bahan pembelajaran dalam bidang sains sosial, sains, teknologi, kejuruteraan, matematik, dan pelbagai bidang lain adalah salah satu kunci dalam melahirkan masyarakat dan generasi yang kreatif dan inovatif. Bagi mencapai matlamat dan hasrat ini, DBP perlu sentiasa responsif terhadap perubahan global, terutamanya dalam bidang ilmu, serta sentiasa progresif dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dan sebarang perubahan dasar kerajaan. Usaha DBP menerbitkan e-buku dengan Kerjasama Xentral Methods Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kota Buku merupakan salah satu inisiatif yang mampu memberikan impak positif dalam senario penerbitan negara.

Dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu khususnya dalam mendepani cabaran globalisasi, DBP perlu terus memberikan tumpuan kepada pendekatan inovasi sosial sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri. Dalam hal ini, inovasi sosial boleh diterjemahkan menerusi dua kaedah, iaitu pendekatan eksperimen dan peluasan saluran dan akses rakyat sebagai pengguna perkhidmatan. Menerusi pengamatan saya, DBP telah pun melaksanakan inovasi sosial, khususnya menerusi peluasan saluran dan akses rakyat sebagai pengguna perkhidmatan dan ini dilaksanakan melalui pewujudan rangkaian perkhidmatan, seperti Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dan Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SPMB) yang memberikan perkhidmatan seperti Khidmat Nasihat DBP (KNDBP), Pantau Tegur Bahasa dan Gerbang Kata.

Rangkaian perkhidmatan yang diwujudkan ini berupaya membantu khalayak penyelidik melaksanakan aktiviti pembinaan dan penyelidikan bahasa serta membantu masyarakat mendapatkan khidmat

DBP telah pun melaksanakan inovasi sosial, khususnya menerusi peluasan saluran dan akses rakyat sebagai pengguna perkhidmatan dan ini dilaksanakan melalui pewujudan rangkaian perkhidmatan, seperti Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dan Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SPMB), yang memberikan perkhidmatan seperti Khidmat Nasihat DBP (KNDBP), Pantau Tegur Bahasa dan Gerbang Kata.

– Tan Sri Dr. Madinah Mohamad



nasihat bahasa, sastera dan penerbitan secara dalam talian. Selain itu, DBP turut meluaskan pelanggan dan masyarakat, khususnya untuk mendapatkan bahan terbitan dalam bahasa Melayu, menerusi rangkaian jualan bahan terbitan DBP secara dalam talian. DBP turut memperkenalkan Ujana Buku DBP sebagai salah satu wahana dalam strategi pengedarannya. Usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini dianggap faktor kritikal dalam memenuhi keperluan perkembangan teknologi terkini serta perubahan kehendak masyarakat. Syabas kepada DBP atas usaha serta inisiatif yang dilaksanakan ini. Namun begitu, inovasi sosial ini tidak bersifat statik dan perlu melalui proses penambahbaikan agar seiring dan selari dengan perkembangan bidang komunikasi dan teknologi maklumat.

Ummum maklum bahawa DBP ialah organisasi yang diamanahkan sebagai peneraju dalam usaha pengembangan bahasa dan persuratan Melayu dan seterusnya memartabatkan bahasa Melayu sebagai kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pemersatu bangsa Malaysia, bahasa ilmu dan bahasa tamadun tinggi. Bagi menggalas tugas dan amanah yang berat ini, DBP perlu kekal kreatif dan inovatif bagi memastikan setiap produk perkhidmatan yang dihasilkan sejajar dengan kehendak dan keperluan masyarakat dan negara. Oleh itu, bagi memastikan inovasi menjadi sebahagian daripada norma dan budaya kerja, seluruh warga kerja DBP perlu mengamalkan prinsip pekerja berinovasi yang digariskan oleh Perdana Menteri, iaitu berilmu, kebolehpercayaan, budaya amalan kerja terbaik, semangat patriotik, budaya keberhasilan yang berteraskan hasil, budaya kreativiti dan inovasi, nilai tambah dan permuafakatan kerja. Prinsip yang digariskan ini berupaya membina kemahiran setiap warga DBP serta menjadi wadah dalam melahirkan warga kerja yang mempunyai nilai positif, kreatif dan inovatif.

Dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu, DBP sewajarnya mencontohi pembaharuan dan inovasi yang telah dilaksanakan oleh agensi lain dan diujarkannya dengan usaha pengembangan bahasa dan sastera. Sebagai contoh, beberapa buah syarikat penerbitan menyediakan bahan pembelajaran bahasa Melayu secara interaktif untuk sekolah rendah secara dalam talian. Selain itu, terdapat juga beberapa buah syarikat penerbitan tempatan yang menghasilkan buku *augmented reality* (AR) dalam bahasa Melayu khusus bagi menarik minat kanak-kanak dan remaja pada masa ini terhadap penerokaan ilmu. Usaha seperti ini boleh diperluas kepada penghasilan produk pengembangan bahasa dan sastera untuk pelbagai peringkat umur. Dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu, DBP juga perlu memanfaatkan sepenuhnya aplikasi dan media sosial yang popular, seperti Google, yahoo, Facebook, dan Tweeter, untuk menarik minat masyarakat, khususnya generasi Y dan generasi Z.

Inovasi ibarat penerokaan dan pengembaraan yang tiada penghujungnya. Kepesatan dalam bidang teknologi



DBP turut memberikan penghargaan terhadap sumbangan karyawan media luar dan sektor swasta menerusi Hari Inovasi.

maklumat dan komunikasi menuntut DBP untuk sentiasa berfikir kreatif dan konstruktif serta mencari metodologi baharu dalam penyampaian perkhidmatan dan produk yang mampu melepasi jangkaan pelanggan dan masyarakat. Penerokaan dan pengembaraan inovasi ini bukan hanya bersifat individualistik, malah boleh dilaksanakan secara bersinergi dengan melibatkan rakan bestari daripada sektor awam dan sektor swasta. Langkah ini membolehkan DBP tidak hanya bergerak secara solo, tetapi berusaha meningkatkan kerjasama bestari dan sinergi dengan pihak luar yang mampu menyumbang ke arah peningkatan produktiviti serta kualiti perkhidmatan yang diberikan sekali gus meningkatkan tahap kecekapan, kemahiran, dan penguasaan ilmu warga DBP dalam sektor yang berkaitan.

Tahniah kepada pengurusan DBP dan seluruh warga kerja DBP atas segala usaha yang dilaksanakan untuk melonjakkan taraf produk dan perkhidmatan yang diberikan. Usaha yang dilaksanakan perlu diteruskan dan ditingkatkan bagi memastikan usaha murni DBP dalam mendaftarkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara akan terus mekar. Hari Inovasi DBP diharapkan akan menjadi pembakar semangat dan mungkin dalam melayari bahtera DBP yang dihujani pelbagai cabaran, terutamanya dalam usaha memartabatkan dan mendaftarkan bahasa persuratan Melayu pada peringkat serantau dan antarabangsa. DM

Sedutan ucapan Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, pada Hari Inovasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2015, di Auditorium DBP, pada 1 Oktober 2015.